



PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

Edisi Kedua 2020
PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

Kelulusan Senat Bil 4/2020 - 23 Julai 2020
© Pusat Pengurusan Siswazah

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa keizinan bertulis daripada Rektor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

MUKADDIMAH

Peraturan Akademik Pascasiswazah, Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) merupakan panduan bagi tatacara akademik bagi pengajian peringkat pascasiswazah. Ia digubal dengan mengambil kira kaedah amalan yang dilaksanakan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di dalam Negara mengikut garis panduan dan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran MQA.

Panduan ini mesti dibaca dan difahami oleh semua pelajar pascasiswazah, penyelia, pensyarah dan kakitangan KUIPSAS. Panduan ini juga adalah selari dengan Panduan Akademik KUIPSAS yang digunakan untuk semua pelajar-pelajar di peringkat asasi, diploma dan ijazah sarjana muda KUIPSAS.

Semoga Peraturan Akademik Pascasiswazah ini dapat memantapkan kualiti perkhidmatan, pengurusan dan pentadbiran disamping mempertingkatkan kecemerlangan akademik pelajar KUIPSAS. Hal ini selaras dengan saranan Nabi SAW yang menuntut sesuatu pekerjaan itu dilakukan dengan berkualiti. Sabda Nabi SAW yang bermaksud : *“Sesungguhnya Allah Taala amat menyukai sesuatu amalan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan berkualiti”*. (Hadis Riwayat al-Tabrani).

Prof. Madya Dr. Haji Mohd Zawavi Bin Zainal Abidin., SMP,AMP.
Rektor,
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

KANDUNGAN

BAHAGIAN

MUKA SURAT

Bahagian 1 • Tafsiran	4
Bahagian 2 • Tahun Akademik	7
Bahagian 3 • Struktur Pengajian	7
Bahagian 4 • Tempoh Pengajian	8
Bahagian 5 • Kelayakan Kemasukan	9
Bahagian 6 • Pendaftaran	11
Bahagian 7 • Yuran Dan Denda	13
Bahagian 8 • Pertukaran Program, Jenis dan Kaedah	15
Bahagian 9 • Penangguhan Pengajian	16
Bahagian 10 • Berhenti Pengajian	17
Bahagian 11 • Pra-syarat, Penambahan dan Pengukuran Kursus	18
Bahagian 12 • Kehadiran Calon	19
Bahagian 13 • Penyeliaan Akademik	21
Bahagian 14 • Laporan Kemajuan Penyelidikan	23
Bahagian 15 • Cadangan Penyelidikan	24
Bahagian 16 • Penyerahan Tesis dan Peperiksaan Lisan (Viva Voce)	25
Bahagian 17 • Sistem Penggredan	29
Bahagian 18 • Rayuan Akademik	30
Bahagian 19 • Tatatertib Akademik	31
Bahagian 20 • Penganugerahan	32
Bahagian 21 • Peruntukan – Peruntukan Am	33

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

Dengan kuasa yang diberi di bawah Bahagian IV Seksyen 17 Perlembagaan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), maka Senat Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah membuat peraturan seperti berikut:

BAHAGIAN I

TAFSIRAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pascasiswazah KUIPSAS dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh ia diluluskan oleh Senat KUIPSAS.
- 1.2 Peraturan ini terpakai bagi semua calon yang mengikuti sesuatu program Sarjana dan Doktor Falsafah yang membawa kepada penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.
- 1.3 Dalam peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya membawa erti yang lain:-

“Calon” ertinya seseorang calon yang berdaftar seperti mana di Bahagian VIII Seksyen 36 Perlembagaan Kolej Universiti dan berstatus aktif serta mengikuti program pengajian akademik yang telah ditawarkan serta layak mengambil apa-apa bahagian dalam aktiviti Kolej Universiti.

“Dekan” ertinya kakitangan akademik yang dilantik oleh Ketua Eksekutif untuk mengetuai sebuah Fakulti termasuklah mana-mana Pengarah atau Ketua Akademik, Pusat, Sekolah dan Institut di bawah Bahagian IV Seksyen 19(4) di bawah Perlembagaan Kolej Universiti.

“Dihalang” ertinya status yang diberikan kepada calon yang gagal memenuhi peratus kehadiran kuliah yang ditetapkan pada satu jumlah yang ditentukan bagi menduduki peperiksaan akhir.

“Fakulti” ertinya mana-mana entiti akademik yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Seksyen 18 Perlembagaan Kolej Universiti yang bertanggungjawab dalam mengendalikan calon di bawahnya.

“Gred” adalah sesuatu nilai atau keputusan yang diberikan bagi menunjukkan prestasi dalam sesuatu kursus.

“Jawatankuasa Penilai” sekumpulan pensyarah yang dilantik untuk membuat semakan, penilaian dan meluluskan/menggagalkan kertas cadangan.

“Jawatankuasa Penyeliaan” adalah jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa orang pensyarah untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing calon siswazah.

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” ertinya jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memutuskan perkara yang berkaitan pengajian calon.

“Jawatankuasa Peperiksaan” ertinya jawatankuasa yang dilantik oleh Senat Kolej Universiti.

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” ertinya sekumpulan pensyarah atau pegawai yang dilantik panel penilai bagi viva voce calon program pascasiswazah.

“Kolej Universiti” ertinya Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

“Kredit” ialah ukuran beban akademik yang digunakan dalam unit jam yang diberi untuk sesuatu kursus.

“Kursus” ertinya mata calonan atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam struktur pengajian bagi sesuatu program pengajian.

“Penarikan Diri” ialah tindakan calon untuk tidak meneruskan sesuatu program pengajian.

“Pendaftaran Kursus” ertinya pendaftaran kursus-kursus yang wajib didaftarkan oleh calon.

“Penyelia Bersama” ertinya pensyarah atau pegawai yang dilantik untuk menyokong peranan Penyelia Utama.

“Penyelia Utama” ertinya pensyarah atau pegawai dari Kolej Universiti yang dilantik untuk menyelia, memantau kemajuan calon dan penulisan penyelidikan calon.

“Peperiksaan” ertinya penilaian terhadap penulisan yang dilakukan oleh calon.

“Peperiksaan Lisan (Viva Voce)” ertinya pembentangan secara lisan oleh calon bagi mempertahankan tesis di hadapan Panel Penilai.

“Plagiat” ertinya meniru atau memalsukan hasil kerja, pendapat, tulisan atau istilah orang lain sama ada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengakui dan mengiktiraf sumber.

“PNGK” ialah nilai purata mata gred yang dikumpul oleh calon dari satu semester ke satu semester pengajiannya.

“PNGS” ialah nilai pencapaian oleh calon pada sesuatu semester.

“Pra-Syarat” ertinya kursus yang ditentukan oleh Fakulti yang perlu disempurnakan oleh calon untuk membolehkannya mengikuti program pengajian.

“Program Pengajian” ertinya sekumpulan kursus atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

“Rektor” ertinya Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah Bahagian VI seksyen 30 Perlembagaan Kolej Universiti dan bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran akademik dan pengurusan Kolej Universiti.

“Semester” ertinya petunjuk bagi kedudukan pengajian calon.

“Senat” ertinya badan akademik yang ditubuh di bawah Bahagian IV Seksyen 17 Perlembagaan Kolej Universiti.

“Sesi Pengajian” ertinya sesi pengajian akademik Kolej Universiti bagi setiap tahun.

“Tahun Akademik” ertinya tempoh bagi setahun pengajian akademik Kolej Universiti.

“Tesis” ertinya penulisan ilmiah hasil daripada penyelidikan yang dikemukakan oleh calon untuk dinilai bagi penganugerahan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah. Istilah “Tesis” diperuntukkan kepada penulisan ilmiah calon pasca siswazah secara penyelidikan.

“Timbalan Rektor” ertinya Timbalan Eksekutif atau timbalan-timbalan Eksekutif yang dilantik di bawah Bahagian VI Seksyen 31 Perlembagaan Kolej Universiti.

“Ulang Kursus” Kursus yang diulang semula.

“Yuran” ertinya pembayaran tertentu yang dikenakan kepada calon yang berdaftar di Kolej Universiti.

BAHAGIAN 2

TAHUN AKADEMIK

- 2.1 Tahun akademik Kolej Universiti dibahagikan kepada dua (2) semester yang dinamakan semester I dan semester II.
- 2.2 Perubahan tempoh pengkuliah dalam satu-satu semester boleh dilakukan dengan kelulusan Senat Kolej Universiti.

BAHAGIAN 3

STRUKTUR PENGAJIAN

- 3.1 Mod Pengajian
Mod pengajian yang ditawarkan bagi pengajian pascasiswazah adalah secara penyelidikan, kerja kursus dan penyelidikan, atau kerja kursus sahaja.
- 3.2 Program Sarjana ditawarkan mengikut struktur pengajian tersebut:
 - 3.2.1 Penyelidikan
Struktur pengajian program ini merangkumi cadangan penyelidikan, kerja penyelidikan, penulisan tesis dan peperiksaan lisan (Viva Voce).
 - 3.2.2 Kerja Kursus dan Penyelidikan
Struktur pengajian program ini merangkumi kursus-kursus yang perlu diikuti dan menyempurnakan penyelidikan.
 - 3.2.1 Kerja Kursus
Struktur pengajian program ini merangkumi kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej Universiti.

BAHAGIAN 4

TEMPOH PENGAJIAN

Program	Mod	Nilai Kredit	Penulisan	Tempoh Minimum Pengajian		Tempoh Maksimum Pengajian	
				Sepenuh Masa	Separuh Masa	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Sarjana	Penyelidikan	-	Panjang penulisan tesis adalah antara 30,000 - 60,000 patah perkataan.	2 Tahun	-	5 Tahun	-
	Kerja Kursus dan Penyelidikan	40 kredit	Nisbah Kerja Kursus kepada Penyelidikan adalah: 50:50, 40:60, 30:70	1 Tahun	2 Tahun	4 Tahun	5 Tahun
	Kerja Kursus	40 kredit	-				
Doktor Falsafah	Penyelidikan	-	Panjang penulisan tesis adalah antara 60,000 - 100,000 patah perkataan.	3 Tahun	4 Tahun	7 Tahun	8 Tahun
	Kerja Kursus dan Penyelidikan	80 kredit	Nisbah Kerja Kursus kepada Penyelidikan adalah: 50:50, 40:60, 30:70				

*Tertakluk kepada kelulusan program pengajian.

BAHAGIAN 5

KELAYAKAN KEMASUKAN

5.1 Program Sarjana

- a) Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK minimum 2.75 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat Kolej Universiti; atau
- b) Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi; atau
- c) Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.
- d) Pemegang ijazah bidang lain yang tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat mereka lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan mereka mencukupi. Peperiksaan ini merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temu duga).

5.2 Program Doktor Falsafah

- a) Ijazah Sarjana daripada universiti yang diiktiraf oleh Senat atau yang setaraf dengannya;
- b) Pemegang ijazah bidang lain yang tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat mereka lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan mereka mencukupi. Peperiksaan ini merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temu duga).

5.3 Syarat-syarat lain:

- a) Calon yang sihat fizikal dan mental serta berupaya untuk mengikuti program pengajian dan program Kolej Universiti; dan
- b) Memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Kolej Universiti dari semasa ke semasa; dan
- c) Calon kelainan upaya boleh mengikuti program pengajian yang bersesuaian; dan
- d) Calon Kolej Universiti yang telah diberhentikan atas sebab-sebab tindakan tatatertib atau prestasi akademik tidak mencapai tahap kelulusan tidak dibenarkan memohon semula.

5.4 Keperluan Bahasa (Calon Antarabangsa)

- 5.4.1 Menghadiri kursus bahasa Melayu yang ditawarkan oleh KUIPSAS.

- 5.4.2 Semua calon antarabangsa dikehendaki memenuhi keperluan bahasa Arab atau bahasa Inggeris berdasarkan kepada keperluan program pengajian berkenaan.
- 5.4.3 Calon mesti lulus TOEFL dengan skor minima 500 atau IELTS dengan skor minima 5.0 bagi program tertentu. Bagi yang tidak memenuhi syarat ini calon dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Kolej Universiti beserta syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Senat.

BAHAGIAN 6

PENDAFTARAN

- 6.1 Pendaftaran Kemasukan
 - 6.1.1 Kemasukan calon ke Kolej Universiti hendaklah mendaftar mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti. Calon boleh memohon penangguhan jika gagal mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan.
 - 6.1.2 Semua tawaran kemasukan adalah untuk sesi yang ditawarkan sahaja.
 - 6.1.3 Calon yang mendaftar di Kolej Universiti akan dikenakan yuran pentadbiran dan yuran ini tidak akan dikembalikan.
- 6.2 Pendaftaran Semester
 - 6.2.1 Calon sedia ada dikehendaki mendaftar pada tarikh yang ditetapkan. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM10.00 sehari.
 - 6.2.2 Calon sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan/Pengarah akan diberikan status **“Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar”**.
 - 6.2.3 Calon yang telah diberhentikan di bawah subperaturan 6.2.2 boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti.
 - 6.2.4 Tempoh tidak mendaftar tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah.
 - 6.2.2 Calon perlu menjelaskan yuran pendaftaran semester bagi mengaktifkan calon pada semester tersebut.
 - 6.2.3 Calon perlu menjelaskan yuran tertunggak sebelum pendaftaran semester. Calon yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan untuk mendaftar.
- 6.3 Pendaftaran Kursus (bagi mod kerja kursus dan penyelidikan)
 - 6.3.1 Calon dikehendaki membuat pendaftaran kursus dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran kursus pada setiap semester; kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan calon akan dikenakan denda sebanyak RM200.

- 6.3.2 Calon perlu memenuhi keperluan mana-mana prasyarat kursus sebelum dibenarkan mendaftar kursus berikutnya.
 - 6.3.3 Semua calon dikehendaki mendaftar mengikut struktur program akademik yang telah ditetapkan oleh Fakulti.
 - 6.3.4 Calon dikehendaki mencetak slip pendaftaran kursus sebagai bukti pendaftaran.
 - 6.3.5 Calon boleh memohon penangguhan semester sehingga maksimum dua (2) semester sahaja dan kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah.
- 6.4 **Pendaftaran bagi calon sedia ada yang telah menyerahkan tesis**
- 6.4.1 Calon sedia ada yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah terus mendaftar dan diberi status "Serah Tesis Untuk Pemeriksaan" sehingga peperiksaan lisan tesisnya selesai tanpa dikenakan yuran pengajian.
- 6.5 Status Calon
- 6.5.1 Calon akan kekal status sebagai AKTIF sekiranya memenuhi syarat pendaftaran, pendaftaran kursus dan yuran pengajian.

BAHAGIAN 7

YURAN DAN DENDA

- 7.1 Yuran
- 7.1.1 Yuran pendaftaran ialah yuran pentadbiran yang dikenakan kepada calon kemasukan yang mendaftar di Kolej Universiti dan yuran tidak akan dikembalikan.
 - 7.1.2 Yuran pengajian ialah yuran yang dikenakan kepada calon mengikut sebarang bentuk penilaian kursus yang didaftar atau proses penyeliaan tesis dan penilaian tesis.
 - 7.1.3 Yuran Universiti ialah yuran kemudahan, kebajikan dan perkhidmatan yang disediakan kepada calon yang aktif sepanjang pengajian di Kolej Universiti.
 - 7.1.4 Yuran Penginapan ialah yuran yang dikenakan kepada calon yang mendaftar untuk menginap di mana-mana kediaman Kolej Universiti dan dcaj berdasarkan kadar harga bilik mengikut bilangan hari.
 - 7.1.5 Yuran Penyerahan Tesis ialah yuran yang dikenakan kepada calon yang menyerahkan tesis lengkap untuk dinilai.
 - 7.1.6 Yuran Semakan Semula Tesis ialah yuran yang dikenakan calon yang memohon untuk membuat semakan semula sebarang bentuk penilaian.
 - 7.1.7 Yuran Graduasi ialah yuran yang dikenakan kepada calon yang telah menyempurnakan keseluruhan kursus bagi program pengajian dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.
- 7.2 Denda
- Denda ialah caj yang dikenakan kepada calon yang telah melakukan perkara-perkara mengikut situasi tertentu yang merangkumi :-
- a) Tidak mendaftar semester;
 - b) Lewat mendaftar kursus;
 - c) Menghilangkan bahan perpustakaan;
 - d) Menghilangkan atau merosakkan atau lewat memulangkan jubah graduasi; dan
 - e) Melanggar peraturan-peraturan Kolej Universiti.
- 7.3 Tanggungjawab Menjelaskan Yuran
- 7.3.1 Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan apa-apa bayaran yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Yuran Pengajian dan bayaran-bayaran lain yang ditetapkan oleh Kolej Universiti;
 - b) Yuran Pengajian yang tertunggak dan Yuran Graduasi sebelum dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen; atau

- c) Apa-apa bayaran tertunggak dengan Kolej Universiti sebelum dibenarkan mengambil transkrip dan sijil akademik.
- 7.3.2 Calon yang tidak menjelaskan Yuran Pengajian, tesis calon tersebut tidak akan diperiksa.
- 7.3.3 Sekiranya calon gagal menyerahkan tesis dalam semester tersebut, calon dikehendaki membayar Yuran Pentadbiran dan Yuran Perubatan untuk semester-semester berikutnya sehingga tesisnya diserahkan.
- 7.3.4 Calon yang telah menyerahkan tesis untuk peperiksaan lisan (Viva Voce) hendaklah mendaftar sebagai calon sehingga penilaian selesai dengan membayar yuran kekal status calon.
- 7.4 Hak Mengubah Kadar Yuran dan Denda
Pihak Kolej Universiti berhak untuk mengubah kadar yuran, denda dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis.
- 7.5 Dasar Pemulangan Yuran Pengajian
- a) Calon hendaklah membayar yuran pengajian dan yuran pendaftaran pada hari pendaftaran dan sekiranya calon tersebut menarik diri, yuran pendaftaran tidak akan dipulangkan.
 - b) Calon yang menarik diri daripada meneruskan pengajiannya, pengiraan yuran pengajian akan dibuat mengikut kadar seperti yang tertakluk di Pejabat Bendahari.

BAHAGIAN 8

PERTUKARAN PROGRAM, JENIS DAN KAEDAH

- 8.1 Syarat-syarat Pertukaran Program dan Jenis Pengajian
 - 8.1.1 Calon hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti.
 - 8.1.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Akademik setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti yang dipohon jika melibatkan dua (2) Fakulti yang berbeza, manakala pertukaran yang melibatkan jabatan di dalam Fakulti yang sama mestilah mendapat kelulusan daripada kedua-kedua Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti.
 - 8.1.3 Permohonan hendaklah dikemukakan pada selewat-lewatnya pada minggu ketiga semester pengajian.
 - 8.1.4 Calon perlu memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dipohon.
 - 8.1.5 Pertukaran program hanya dibenarkan sehingga semester dua (2) program pengajian yang diikuti.
 - 8.1.6 Pertukaran program hanya dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
 - 8.1.7 Calon boleh menukar kaedah pengajian dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti berkenaan.
 - 8.1.8 Yuran proses pertukaran program dikenakan sebanyak RM100.00 kecuali kepada calon baharu dalam tempoh 2 minggu pengajian.

BAHAGIAN 9

PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 9.1 Penangguhan Pengajian.
 - 9.1.1 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada PPS sebelum semester bermula dan selewat-lewatnya pada minggu keempat semester pengajian.
 - 9.1.2 Bayaran permohonan penangguhan pengajian ialah sebanyak RM100.00 bagi satu semester.
 - 9.1.3 Had maksimum permohonan penangguhan hanya dibenarkan dua (2) semester berturut-turut dan hanya dibenarkan 2 kali penangguhan sahaja sepanjang tempoh pengajian yang diikuti kecuali atas sebab-sebab kesihatan dengan syarat disahkan oleh Doktor Panel yang dilantik oleh Universiti atau mana-mana hospital kerajaan atau sebab-sebab lain yang munasabah.
 - 9.1.4 Calon yang telah diberi kebenaran menangguhkan pengajiannya tidak berhak mendapat atau menggunakan apa-apa kemudahan kolej sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan berakhir.
 - 9.1.5 Calon yang menangguh pengajian hendaklah membuat pendaftaran semula pada sesi yang ditetapkan.
 - 9.1.6 Alasan Penangguhan Pengajian.
 - 9.1.6.1 Calon yang sakit dalam tempoh yang lama boleh diberi penangguhan pengajian untuk sesi tertentu oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti berasaskan perakuan pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kolej Universiti; atau
 - 9.1.6.2 Perakuan daripada ibu bapa atau penjaga atau majikan atau penaja boleh dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu.
- 9.2 Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu
 - 9.2.1 Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk tidak melebihi dua (2) semester.
 - 9.2.2 Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat Pengurusan Siswazah sehingga tempoh empat (4) minggu daripada tarikh pendaftaran masuk.
 - 9.2.3 Calon yang gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran akan terbatal.

BAHAGIAN 10

BERHENTI PENGAJIAN

- 10.1 Penarikan Diri.
 - 10.1.1 Permohonan untuk berhenti daripada pengajian hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Siswazah.
 - 10.1.2 Calon **WAJIB** melangsaikan keseluruhan hutang tertunggak.
- 10.2 Calon boleh diberhentikan dari Kolej Universiti apabila:
 - a) Berhenti tanpa membuat permohonan berdasarkan keperluan Perkara 10.1; atau
 - b) Dikenakan hukuman tatatertib berdasarkan Lembaga Disiplin atau Lembaga Tatatertib KUIPSAS; atau
 - c) Melanggar mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; atau
 - d) Memberi maklumat palsu mengenai kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan untuk mendapatkan Ijazah; atau
 - e) Melakukan salah laku penyelidikan; atau
 - f) Gagal mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap semester bagi mod pengajian penyelidikan sahaja; atau
 - g) Calon yang melepasi tempoh maksimum pengajian; atau
 - h) Calon yang menangguh pengajian melebihi had maksimum.
- 10.3 Calon yang telah berhenti atau diberhentikan kecuali perkara 10.2 (b), boleh memohon semula kemasukan tertakluk kepada kelulusan Senat Kolej Universiti.

BAHAGIAN II

PRA-SYARAT, PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 11.1 Kursus-kursus pra-syarat dibahagikan seperti berikut:
 - a) Pra-Syarat Telah Mengikuti (TI) iaitu dibenarkan untuk mengambil kursus pra-syarat selepasnya walaupun calon gagal pada kursus pra-syarat sebelumnya.
 - b) Pra-syarat Wajib Lulus iaitu calon perlu mengambil dan lulus kursus pra-syarat tersebut sebelum dibenarkan mengambil kursus pra-syarat selepasnya.
- 11.2 Tambah atau Gugur Kursus
 - 11.2.1 Pengguguran atau penambahan kursus, perlu mendapatkan kelulusan pensyarah, disokong oleh Ketua Jabatan berkenaan dan perlu diperakukan oleh Dekan.
 - 11.2.2 Calon boleh menambah mana-mana kursus sehingga minggu kedua (2) perkuliahan setiap sesi pengajian.
 - 11.2.3 Sebarang pembetulan pendaftaran hendaklah dibuat pada minggu tambah atau gugur kursus.
 - 11.2.4 Calon boleh menggugurkan mana-mana kursus antara minggu ketiga (3) hingga minggu kelapan (8) dalam suatu semester perkuliahan dan akan dikenakan denda RM100.00.
 - 11.2.5 Pengguguran atau penambahan kursus yang dibuat selepas minggu kelapan (8) akan didenda RM300.00.

BAHAGIAN 12

KEHADIRAN CALON

- 12.1 Kehadiran Calon.
 - 12.1.1 Calon dikehendaki mematuhi peraturan yang berkaitan dengan kehadiran ke kelas yang ditetapkan pada kursus yang didaftar. Adalah tanggungjawab calon memastikan bahawa pensyarah kursus tersebut dimaklumkan tentang ketidakhadirannya.
 - 12.1.2 Adalah tanggungjawab pensyarah menyimpan rekod kehadiran calon.
 - 12.1.3 Calon diwajibkan menghadiri semua sesi kuliah dan latihan bagi memenuhi keperluan kehadiran tidak kurang daripada 80% daripada jumlah kehadiran satu semester.
- 12.2 Hadir Wajib (HW)
 - 12.2.1 Calon yang gagal mencapai kehadiran 80% ke atas tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pensyarah berkenaan akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir.
 - 12.2.2 Calon yang tidak mengambil atau dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir semester berkenaan untuk sesuatu kursus akan dianggap gagal keseluruhan kursus berkenaan dan akan diberi gred EI untuk kursus tersebut.
 - 12.2.3 Calon yang memperolehi gred EI dikehendaki mengulang kursus tersebut.
 - 12.2.4 Calon yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menangguhkannya akan diberikan gred EI bagi kursus berkenaan.
- 12.3 Hadir Sahaja (HS)
 - 12.3.1 Calon akan digugurkan dari kursus jika kehadirannya kurang daripada 80%.
 - 12.3.2 Calon perlu mengambil semula kursus tersebut.
- 12.4 Calon Pengajian Secara Penyelidikan
 - 12.4.1 Mesti hadir pertemuan dengan penyelia mengikut jadual perancangan yang ditetapkan sepanjang tempoh pengajian.
 - 12.4.2 Calon pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan mesti hadir pertemuan dengan penyelia sepertimana yang ditetapkan sepanjang semester yang didaftarkan disertasinya.
 - 12.4.3 Pelajar yang kehadiran pertemuannya 50% ke atas akan diberi Gred MM, manakala yang kehadirannya 50% dan ke bawah akan diberi Gred TM.

12.5 Pengecualian Kehadiran.

12.5.1 Seseorang calon adalah dibenarkan mendapat pengecualian dari menghadiri kuliah, tutorial dan latihan amali disebabkan:

- a) Masalah kesihatan dengan syarat calon mengemukakan sijil sakit atau laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau mana-mana doktor yang diperakui oleh Kolej Universiti kepada pensyarah yang berkenaan dalam tempoh 48 jam setelah berakhirnya tarikh cuti sakit yang diberi; atau
- b) Kematian atau sakit tenat ibu bapa atau penjaga atau suami atau isteri atau anak atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan syarat calon memohon cuti ehsan kepada Dekan Fakulti; atau
- c) Terlibat dengan aktiviti kolej Universiti atau mana-mana persatuan atau kelab yang didaftar di Kolej universiti atau aktiviti Fakulti, dengan syarat mendapat kebenaran daripada Dekan; atau
- d) Sebab-sebab lain yang melibatkan kepentingan Kolej Universiti.

BAHAGIAN I3

PENYELIAAN AKADEMIK

13.1 Pelantikan Penyelia

Calon boleh mengemukakan cadangan penyelia kepada PPS. Pelantikan penyelia hendaklah diperakumkan oleh fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Sekiranya tiada cadangan daripada calon, jawatankuasa akan melantik penyelia untuk calon.

13.2 Bentuk Penyeliaan

Terdapat tiga (3) kategori penyelia bagi calon siswazah bergantung kepada keperluan dan kehendak bidang iaitu:

- (a) Penyelia Utama; dan
- (b) Penyelia Bersama; dan
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan.

13.3 Kriteria Pelantikan Penyelia

13.3.1 Peringkat Sarjana

- (a) Staf akademik yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
- (b) Pensyarah yang mempunyai Sarjana yang pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran atau penyelidikan atau sebagai penyelia bersama.
- (c) Kriteria tambahan tertakluk kepada kelulusan Senat Kolej Universiti.

13.3.2 Peringkat Doktor Falsafah:

- (a) Staf akademik yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran atau penyelidikan atau sebagai penyelia bersama; atau
- (b) Staf yang tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan boleh dilantik sebagai penyelia utama sekiranya mempunyai pengalaman penyelidikan dan penyeliaan secara meluas dan tertakluk kepada kelulusan Senat Kolej Universiti.
- (c) Staf akademik yang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah kurang dari dua (2) tahun dan tidak mempunyai pengalaman menyelia boleh dilantik sebagai penyelia utama sekiranya beliau telah mengikuti kursus penyeliaan yang dianjurkan oleh Kolej Universiti atau mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Kolej Universiti dan tertakluk kepada kelulusan Senat Kolej Universiti.

13.4 Syarat-Syarat Pelantikan Penyelia

13.4.1 Penyelia utama mestilah terdiri daripada pensyarah yang sedang berkhidmat di Kolej Universiti dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemajuan calon.

13.4.2 Penyelia bersama terdiri daripada tenaga akademik Kolej Universiti yang sedang berkhidmat di Kolej Universiti atau dalam kes-kes tertentu boleh dilantik daripada universiti lain, institusi penyelidikan dan sektor industri yang pakar dalam bidang bagi membantu penyelia utama.

- 13.4.3 Staf akademik yang sedang menyambung pengajian tidak boleh menyelia mana-mana calon siswazah.
- 13.5 Pertukaran Penyelia
 - 13.5.1 Penyelia utama atau penyelia bersama yang tidak dapat menjalankan tugas atas sebab-sebab tertentu, Dekan Fakulti hendaklah melantik seorang pensyarah lain untuk menjalankan penyeliaan bagi sesuatu tempoh yang tertentu.
 - 13.5.2 Seseorang calon atas sebab-sebab tertentu, boleh memohon menukar penyelia. Permohonan hendaklah dibuat kepada PPS dan diperakukan oleh Dekan Fakulti.

BAHAGIAN 14

LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN

- 14.1 Calon dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan kepada penyelia utama pada setiap semester.
- 14.2 Jawatankuasa Pengajian Siswazah peringkat fakulti/PPS perlu mengesahkan Laporan Kemajuan Calon.
- 14.3 Status keputusan Laporan Kemajuan calon akan dipaparkan dalam portal pelajar.
- 14.4 Sekiranya calon mendapat keputusan Tidak Memuaskan (TM) sebanyak dua (2) kali berturut-turut, calon tersebut secara automatik akan digugurkan dari pencalonan.
- 14.5 Status Tidak Memuaskan (TM) akan diberi kepada calon sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester kedua (bagi calon sepenuh masa) atau ketiga (bagi calon separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan dan penyelia memberi status Memuaskan (MM).

BAHAGIAN 15

CADANGAN PENYELIDIKAN

- 15.1 Calon dikehendaki mengemukakan cadangan penyelidikan kepada PPS. Cadangan tersebut akan dinilai dan diperaku oleh Fakulti dan disahkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 15.2 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Calon pascasiswazah Mod Penyelidikan untuk membentangkan cadangan penyelidikan (*proposal defense*) adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Mod Pengajian	Status Pengajian	Tempoh Maksimum Pembentangan Cadangan Penyelidikan
Sarjana	Penyelidikan	Sepenuh Masa	Semester 3
Doktor	Penyelidikan	Sepenuh Masa	Semester 3
Falsafah		Separuh Masa	Semester 4

TAMBAHAN PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH PERKARA 15.2 :Kelulusan Senat Bil 5/2020 - 8 September 2020

Calon yang gagal membentangkan cadangan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan yang berikut:

- Surat Peringatan pada semester 3 pengajian.
 - Surat Amaran pada semester 4 pengajian.
 - Surat Amaran Tegas pada semester 5
 - Surat Diberhentikan Pengajian pada semester 6.
- 15.3 Pembentangan akan dinilai oleh dua (2) orang penilai dalaman.
- 15.4 Selepas sesi pembentangan cadangan penyelidikan, calon akan dimaklumkan keputusannya.

Status	Tindakan
Lulus Tanpa Pindaan	Calon dibenarkan memulakan kerja-kerja penyelidikan.
Lulus Dengan Pindaan	Calon akan diberikan tempoh masa membuat pembedulan kertas cadangan dan menghantar semula ke PPS untuk semakan semula penilai.
Bentang Semula	Calon perlu menghasilkan cadangan penyelidikan yang baharu.

- 15.5 Calon yang mendapat keputusan Lulus Tanpa Pindaan dan telah diperaku dalam semakan semula pembedulan, boleh meneruskan kerja-kerja penyelidikan.
- 15.6 Sebelum calon memohon untuk penyerahan tesis, calon perlu membuat pembentangan hasil kajian atau dapatan yang turut dinilai oleh dua (2) orang penilai dalaman yang sama.

BAHAGIAN 16

PENYERAHAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN (VIVA VOCE)

16.1 TESIS

- 16.1.1 Calon tidak boleh mengemukakan tesis yang pernah diserahkan kepada universiti atau Institusi Pengajian Tinggi yang lain.
- 16.1.2 Calon digalakkan menerbit dan membentangkan kertas kerja mengenai penyelidikannya dalam masa sedang menjalani program dan hendaklah mengandungi pernyataan status penulis sebagai calon Kolej Universiti dan penghargaan yang sewajarnya kepada Kolej Universiti.
- 16.1.3 Bagi program Sarjana jumlah perkataan tesis tidak melebihi 60,000 perkataan dan bagi program Doktor Falsafah, jumlah perkataan tesis adalah tidak melebihi 100,000 perkataan. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, jadual, gambar rajah dan lampiran.
- 16.1.4 Semua tesis mestilah ditulis dalam bahasa yang telah ditetapkan oleh Fakulti. Permohonan boleh dibuat kepada Kolej Universiti untuk dikecualikan dari peraturan ini.
- 16.1.5 Peraturan mengenai penulisan dan format tesis adalah seperti yang terdapat dalam buku Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis KUIPSAS.
- 16.1.6 Penyerahan Tesis perlu melalui tiga (3) peringkat berikut:
Peringkat 1 - Cadangan untuk menyerahkan tesis.
Peringkat 2 - Penyerahan naskah akhir untuk peperiksaan lisan (viva voce).
Peringkat 3 - Penyerahan naskah akhir untuk pengesahan Senat.
- 16.1.7 Semua tesis dan hasil penyelidikan calon adalah hakmilik Kolej Universiti.

16.2 NOTIS PENYERAHAN TESIS

Calon yang bercadang untuk menyerahkan tesis untuk diperiksa hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Tesis/ Disertasi akan diserahkan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula daripada kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis oleh Senat;
- ii. Telah memenuhi tempoh minimum pengajian;
- iii. Telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan;
- iv. Telah memenuhi syarat minima satu (1) kali pembentangan dalam seminar/persidangan.

16.3 PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN

- i. Calon perlu menyerahkan tiga (3) naskah tesis berkulit lembut kepada PPS untuk tujuan pemeriksaan.
- ii. Calon perlu menyerahkan skor kesamaan tesis dengan menggunakan perincian yang ditentukan oleh PPS.

16.4 PENILAIAN AKHIR

Program	Penilaian Akhir
Sarjana	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan satu (1) orang penilai dalam dan satu (1) orang penilai luar: ii. Calon membentang sekurang-kurangnya satu (1) kertas kerja di seminar, konferens, kolokium dan lain-lain platform pembentangan yang berprosiding sepanjang sesi pengajian di peringkat kebangsaan.
Doktor Falsafah	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan satu (1) orang penilai dalam dan dua (2) orang penilai luar: ii. Calon membentang sekurang-kurangnya satu (1) kertas kerja di seminar, konferens, kolokium dan lain-lain platform pembentangan yang berprosiding sepanjang sesi pengajian di peringkat antarabangsa.

16.5 PEPERIKSAAN LISAN (VIVA VOCE)

16.5.1 Calon perlu mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Penyelia utama atau penyelia bersama dijemput sebagai pemerhati.

16.5.2 Selepas peperiksaan lisan, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan akan menentukan pencapaian calon mengikut salah satu keputusan berdasarkan kategori berikut:

Kategori Keputusan	Status Keputusan	Tempoh Pembedulan
Lulus Tanpa Pembedulan	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tanpa sebarang pindaan kepada tesisnya dan tanpa apa-apa syarat.	-
Lulus Dengan Pembedulan Minor	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tertakluk pada perubahan dan pembedulan minor kepada tesisnya seperti yang dihuraikan dalam laporan Penilaian.	Maksimum Tiga (3) Bulan
Lulus Dengan Pembedulan Major	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tertakluk pada perubahan dan pembedulan yang bukan minor kepada tesisnya seperti yang dihuraikan dalam Laporan Penilaian	Maksimum Enam (6) Bulan
Ulang Viva Voce	Calon dikehendaki menyerahkan semula tesis untuk pemeriksaan semula (re-viva) selepas calon membuat perubahan atau pembedulan yang major seperti yang dihuraikan dalam Laporan Penilaian.	Minimum (6) Bulan Dan Maksimum (12) Bulan

Gagal	Calon tidak layak dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah dan juga tidak dibenarkan untuk menyerahkan semula tesis untuk penilaian semula.	-
-------	--	---

16.5.3 Pihak PPS akan memaklumkan kepada calon keputusan peperiksaan berdasarkan laporan Pengerusi Viva-Voce. Calon akan diberikan tempoh untuk membuat pembetulan/ penambahbaikan kepada tesis sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

16.5.4 Kegagalan calon membuat pembetulan tesis, calon akan diberi status Gagal dan diberhentikan.

16.5.5 Tesis yang telah dibuat pembetulan perlu diserahkan kepada PPS satu (1) naskah berkulit lembut untuk tujuan pengesahan pembetulan.

16.6 SALAH LAKU PEPERIKSAAN LISAN (VIVA-VOCE)

16.6.1 Calon dianggap salah laku dalam peperiksaan lisan sekiranya:

- a. Mengambil, mengubah, menyembunyi, merosak atau memusnahkan apa-apa harta yang berkaitan dengan peperiksaan lisan (Viva Voce); atau
- b. Tidak mematuhi arahan Pegawai Peperiksaan Lisan (Viva Voce); atau
- c. Datang lewat selepas 15 minit; atau
- d. Tidak membawa kad calon dan surat kebenaran menduduki peperiksaan lisan (Viva Voce) yang sah; atau
- e. Tidak mematuhi peraturan pakaian calon seperti yang ditetapkan.

16.6.2 Tindakan ke atas Salah laku Semasa Peperiksaan Lisan.

Pegawai Peperiksaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghalang calon dari memasuki bilik peperiksaan lisan (Viva Voce) sekiranya melakukan salah laku seperti 16.6.1.

16.7 PENANGGUHAN VIVA-VOCE

16.7.1 Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu Viva Voce boleh memohon kepada Dekan PPS dengan perakuan fakulti untuk menangguhkan peperiksaan berkenaan.

16.7.2 Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan mengikut budi bicara fakulti dan kelulusan PPS.

16.8 RAYUAN KEPUTUSAN VIVA-VOCE

16.8.1 Hanya calon yang gagal Viva Voce boleh merayu.

16.8.2 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan PPS dalam tempoh 30 hari selepas tarikh Viva-Voce pertama.

16.8.3 Rayuan calon akan dibawa kepada Jawatankuasa Rayuan Siswazah.

16.8.4 Keputusan rayuan adalah muktamad.

16.9 PENYERAHAN TESIS BERJILID

16.9.1 Calon perlu menyerahkan tesis berjilid mengikut format yang ditetapkan untuk mendapat kelulusan Senat.

16.9.2 Calon dikehendaki menyerahkan empat (4) naskah berjilid dan dua (2) CD-ROM dalam bentuk PDF kepada PPS.

16.10 PENGANUGERAHAN IJAZAH

Ijazah boleh dianugerahkan kepada calon yang telah:

- i. Memenuhi semua syarat dan peraturan pengajian;
- ii. Menjelaskan semua yuran dan bayaran yang telah dikenakan; dan
- iii. Diperakui oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan diluluskan oleh Senat.

BAHAGIAN I7

SISTEM PENGGREDAN

- 17.1 Sistem penggredan adalah terpakai kepada mod kerja kursus . Calon akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual I berikut:

MARKAH	GRED	NILAI	STATUS
80 - 100	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.75	Kepujian
70 - 74	B+	3.45	Amat Baik
65 - 69	B	3.00	Baik
60 - 64	C+	2.75	Lulus
59 ke bawah	F	0.00	Gagal

*Tertakluk kepada gred lulus mengikut keperluan program

- 17.2 Gred-gred lain yang diberi kepada calon adalah :-

Gred	Status	Penerangan
L	Lulus	Gred bagi sesuatu kursus yang diberi status "Lulus" atau "Gagal".
G	Gagal	
SM	Sedang Maju	Gred sementara bagi sesuatu projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan.
GP	Gantung Pengajian	Gred yang diberikan kepada calon yang digantung pengajian.
TL	Tidak Lengkap	Gred sementara yang diberikan kepada kursus yang penilaiannya belum lengkap.
TM	Tidak Memuaskan	Tidak memenuhi syarat dalam Laporan Kemajuan Penyelidikan
MM	Memuaskan	Memenuhi syarat dalam Laporan Kemajuan Penyelidikan
TA	Telah Mengambil	Telah mengambil kursus yang ditetapkan.
TI	Telah Mengikuti	Mengambil kursus yang perlu mematuhi pra-syarat telah mengikuti kursus yang ditetapkan

BAHAGIAN 18

RAYUAN AKADEMIK

- 18.1 Aduan dan rayuan berkaitan hal ehwal akademik boleh dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Siswazah (PPS). Manakala, aduan dan rayuan berkaitan hal ehwal bukan akademik boleh dikemukakan melalui laman web KUIPSAS.
- 18.2 Permohonan rayuan yang dikemukakan akan dipertimbangkan oleh Senat KUIPSAS dan keputusannya akan disampaikan kepada calon berkenaan. Setiap keputusan yang telah dibuat oleh Senat KUIPSAS menurut kaedah ini adalah muktamad.
- 18.3 Pelajar mempunyai hak untuk mengemukakan rayuan bagi menyemak semula keputusan peperiksaan dan peperiksaan lisan. Pelajar perlu mengemukakan permohonan rayuan berdasarkan peraturan akademik yang telah ditetapkan.
- 18.4 Tiada sebarang rayuan bagi permohonan kemasukan yang tidak memenuhi syarat minimum.

BAHAGIAN 19

TATATERTIB AKADEMIK

- 19.1 Calon dianggap melakukan **Salah Laku Akademik** jika:
- Mengambil, mengubah, merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta yang ada kaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP); atau
 - Melakukan plagiat; atau
 - Memalsukan atau memanipulasikan apa-apa dokumen akademik; atau
 - Apa-apa perbuatan yang dianggap melanggar peraturan akademik.
- 19.2 Sebarang Salah Laku Akademik akan dirujuk kepada pihak berkuasa Kolej Universiti.
- 19.3 Hukuman Bagi Kesalahan Tatatertib Akademik.
- 19.3.1 Apabila laporan wujudnya kes salah laku, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah bersidang. Setelah Jawatankuasa Tatatertib berpuas hati calon dibuktikan melakukan salah laku seperti mana pertuduhan yang dibaca dan mendengar hujah pembelaan serta rayuan yang dikemukakan, maka calon boleh dikenakan salah satu atau mana-mana kombinasi daripada hukuman berikut:
- Diberi amaran bertulis; dan/atau
 - Didenda tidak melebihi RM200.00; dan/atau
 - Digantung daripada pengajian dan ditarik balik kemudahan sebagai seorang calon; dan/atau
 - Dihalang daripada mana-mana bahagian atau aktiviti Kolej Universiti dalam tempoh yang tertentu; dan/atau
 - Dibatalkan keputusan bagi kursus yang diambil pada sesi tersebut; dan/atau
 - Diberhentikan dari Kolej Universiti; dan/atau
 - Apa-apa hukuman yang wajar berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

BAHAGIAN 20

PENGANUGERAHAN

20.1 Penganugerahan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Calon mestilah memenuhi semua syarat berikut :

- a) Melengkapkan semua keperluan kursus bagi program yang diikuti; atau
- b) Telah lulus peperiksaan lisan (Viva-Voce) dan membuat segala pembetulan bagi mod penyelidikan; dan
- c) Mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum; dan

Mod Pengajian	Tahap Minimum
Kerja Kursus	PNGK 3.0
Kerja Kursus dan Penyelidikan	PNGK 3.0
Penyelidikan	MEMUASKAN

- d) Diperakui oleh Senat Kolej Universiti; dan
- e) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Kolej Universiti.

20.2 Transkrip Akademik.

20.2.1 Calon boleh mendapatkan transkrip penuh akademik di Bahagian Akademik apabila:

- a) Berjaya menamatkan sesuatu program pengajian dan
- b) Melangsaikan semua yuran tertunggak dengan Kolej Universiti dan
- c) Diperakukan oleh Senat dan setelah Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti dilangsungkan.

20.2.2 Transkrip yang dipohon sebelumnya hanyalah transkrip sementara.

20.2.3 Calon yang kehilangan Transkrip Penuh boleh mendapatkan semula di Bahagian Pengurusan Akademik dengan menyertakan satu (1) salinan laporan polis beserta bayaran pemrosesan sebanyak RM150.00 (Sijil Akademik) dan RM150.00 (Transkrip Penuh).

BAHAGIAN 21

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

- 21.1 Kolej Universiti dengan kelulusan Senat boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Peraturan Akademik.
- 21.2 Pengecualian dan Penafian
Semua kaedah, pengisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah dan menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang telah pun dimansuhkan menurut kuasa oleh Peraturan Akademik hendaklah terus berkuatkuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan Akademik ini, sehingga dibatal atau diganti oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, pengisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan Akademik ini.
- 21.3 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 21.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Pascasiswazah.
- 21.5 Peraturan-peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa terhadap semua calon berdaftar pada dan selepas tarikh berkuatkuasa peraturan-peraturan ini.



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**
كوليج ايسلام پاهانج سلطان احمد شاه
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE

PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

KM 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tel : 09 553 5555 Faks : 09 536 4421

www.kuipsas.edu.my